

Gerakan Pembaharuan Islam: Analisis Terhadap Islamic Renaissance Front (IRF)

Islamic Reform Movement: An Analysis of The Islamic Renaissance Front (IRF)

Mohammad Firdaus bin Mohd Ashfari & Kamarudin bin Salleh

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding author: p98321@siswa.ukm.edu.my

Published: 30 June 2024

To cite this article (APA): Mohd Ashfari, M. F., & Salleh, K. (2024). Gerakan Pembaharuan Islam: Analisis Terhadap Islamic Renaissance Front (IRF). *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(1), 109–118. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.1.9.2024>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan Islamic Renaissance Front (IRF) dalam gerakan pembaharuan Islam melalui pendekatan analisis kritikal. IRF adalah sebuah organisasi pemikir dan pendidikan yang berpusat di Malaysia. Tujuan asal penubuhan adalah untuk meningkatkan pemahaman tentang Islam dengan lebih terbuka, progresif, dan sesuai dengan konteks, serta menentang pemikiran sempit dan ekstremisme yang semakin berkembang dalam kalangan masyarakat Islam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan IRF mempengaruhi pemikiran pembaharuan dalam masyarakat Islam di Malaysia. Metodologi kajian ini melibatkan tinjauan literatur terhadap sumber-sumber sekunder yang berkaitan dengan IRF, analisis dokumen, dan penelitian terhadap kenyataan awam dan aktiviti gerakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa IRF memainkan peranan penting dalam merangsang pemikiran pembaharuan dalam masyarakat Islam, namun terdapat kritikan terhadap pendekatan dan metodologi gerakan ini. Dalam masa yang sama, IRF dilihat kurang mewakili pelbagai suara dalam masyarakat Islam dan kurang dalam menangani isu-isu sosioekonomi menjadi perhatian utama. Walaupun IRF telah mencapai beberapa kejayaan, analisis ini menekankan tentang keperluan untuk terus menilai perannya dalam usaha untuk mencapai matlamat pembaharuan Islam yang lebih inklusif dan berkesan serta bertepatan dengan syariah Islam. IRF merupakan subjek yang menarik untuk kajian lanjut dalam konteks gerakan pembaharuan Islam, dan kritikan serta refleksi terhadap perannya penting bagi memahami landskap Islam kontemporari.

Kata kunci: Analisis Kritikal, Gerakan Pembaharuan Islam, Islamic Renaissance Front (IRF)

Abstract

This study aims to analyze the role of the Islamic Renaissance Front (IRF) in the Islamic reform movement through a critical analysis approach. IRF is a think tank and educational organization based in Malaysia. Its purpose is to enhance the understanding of Islam in a more liberal, progressive, and contextually appropriate manner while opposing narrow-minded thinking and the growing extremism among Islamic communities. The objective of this study is to analyze the role of IRF in influencing reform thinking in Malaysian Islamic society. The

study's methodology involves a literature review of secondary sources related to IRF, document analysis, and research on public statements and activities of the movement. The findings indicate that IRF plays a significant role in stimulating reform thinking in Islamic society, but there are criticisms of its approach and methodology. Issues such as the lack of representation of diverse voices in Islamic society and the inadequacy of addressing socio-economic issues are major concerns. Although the IRF has achieved some success, this analysis emphasizes the need to continue to evaluate its role in efforts to achieve the goal of Islamic reform that is more inclusive and effective and coincides with Islamic Shariah. In conclusion, IRF is an interesting subject for further study in the context of the Islamic reform movement, and criticism and reflection on its role are essential for understanding the contemporary Islamic landscape.

Keywords: Critical Analysis, Islamic Reform Movement, Islamic Renaissance Front (IRF)

Pendahuluan

Pengaruh gerakan Islam dari luar yang bermula dengan peningkatan kesedaran dalam masyarakat Islam pada kira-kira tahun 1960an hingga 1990an merupakan kelangsungan daripada gerakan reformasi yang bermula sejak akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Gerakan Islam dalam konteks zaman moden telah melihat perkembangan yang signifikan sejak akhir abad ke-19 (Ahmad, 2015). Perubahan sosial, politik, dan ekonomi yang pesat dalam masyarakat Islam telah membawa kepada peningkatan kesedaran dan semangat reformasi dalam kalangan umat Islam. Fenomena ini juga berlaku di peringkat global dan mendorong gerakan-gerakan Islam berusaha untuk menyemarakkan semula nilai-nilai Islam dalam konteks kontemporari.

Gerakan Islam zaman moden menandakan era yang penting dalam sejarah umat Islam. Pemikiran, amalan, dan pergerakan masyarakat Islam mengalami transformasi yang mendalam. Faktor globalisasi, modenisme, dan cabaran sosio-politik telah membentuk perkembangan gerakan Islam kontemporari. Dalam masa yang sama, tokoh penggerak dan organisasi muncul sebagai pemimpin yang berusaha memperjuangkan gagasan-gagasan Islam yang lebih progresif dan relevan dengan zaman. Di Malaysia, Islamic Renaissance Front (IRF) adalah sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang telah menonjol sebagai satu daripada entiti utama dalam gerakan pembaharuan Islam. IRF diasaskan sebagai sebuah organisasi pemikiran dan pendidikan telah menarik perhatian bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam tempatan, tetapi juga di peringkat antarabangsa. Terdapat beberapa faktor yang telah dimainkan organisasi ini dalam membentuk dan merangsang pemikiran pembaharuan masyarakat Islam yang konsisten memperjuangkan pembaharuan dalam pemikiran dan amalan masyarakat, serta memperkenalkan pemikiran Islam yang lebih progresif dan kontekstual Islam di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis gerakan pembaharuan Islam yang telah dilaksanakan oleh IRF.

Sorotan Literatur Kajian

Kajian-kajian lepas berkaitan Islamic Renaissance Front (IRF) telah melihat kepada peranan dalam mengubah paradigma pemikiran Islam termasuklah dari pendekatan yang lebih tradisional kepada pendekatan yang lebih progresif dan kontekstual. Kajian Anis Sakinah dan Noor Hanisah (2015) menyatakan bahawa pemikiran dan pandangan yang dipegang oleh IRF lebih menggunakan pemikiran, falsafah, dan karya ilmiah barat sebagai rujukan utama tanpa terikat kepada kerangka syariah. Ia menunjukkan IRF sebagai pemikir yang bersifat liberal.

Kajian Zahrina (2017) pula menyatakan IRF sebagai satu badan gerakan yang membawa agenda Islam Liberal dan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Agenda yang dibawa oleh IRF juga menjejaskan Islam sebagai agama yang harmoni dan syumul secara keseluruhan. Kajian Othman dan Boyman (2018) menjelaskan IRF cuba membuat perubahan paradigma pemahaman tentang sekularisme dan liberalisme dalam pasca-Islamisme. IRF terus mengkritik pendekatan Islamis dan mencadangkan agar mereka menjadi lebih sekular dengan menolak negara Islam dan undang-undang Islam.

Ciri-ciri dan model sebuah gerakan model Islam boleh juga dirujuk kepada matlamat, gerak kerja, sistem atau kaedah yang diaplikasikan di dalam sesebuah gerakan Islam itu sendiri. Secara umumnya, asas kepada sesebuah gerakan Islam itu dapat disandarkan kepada zaman Nabi Muhammad dan para sahabat baginda. Islam yang menjadi sebuah agama yang sempurna dan juga merupakan rahmat kepada sekalian alam merupakan matlamat perjuangan ketika di zaman baginda dan para sahabat di samping mengharap kepada balasan serta keredaan Allah. Hal ini yang menjadi pendorong kepada mereka untuk terus memperjuangkan Islam.

Terdapat pelbagai jenis klasifikasi gerakan Islam. Sebagai contoh, ada yang mengkategorikan kepada konservatif dan progresif, atau teokrasi dan demokrasi. Terdapat juga pengkategorian berdasarkan penglibatan gerakan Islam dalam aktiviti bersenjata. Terdapat juga pengkategorian berdasarkan aliran pemikiran (Muhammad Fathi Yusof, 2017). Cofman Wittes Husain Haqqani et al., (2008) mengkategorikan gerakan Islam kepada tiga jenis iaitu kumpulan salaf, Ikhwan Muslimin, dan kumpulan yang berjuang dan beroperasi dalam sistem politik sedia ada. Rubin (1998) pula mengkategorikan kumpulan Islam “fundamentalis radikal” kepada tiga kategori iaitu penyokong revolusi, pejuang kemerdekaan negara dan reformis. Sementara itu, Rabasa et al. (2004) yang bertajuk *‘The Muslim World after 9/11’* membahagikan gerakan Islam kepada lima kategori berdasarkan kecenderungan dan orientasi iaitu fundamentalis radikal, fundamentalis scriptural, tradisionalis, modernis, sekular liberal dan sekular autoritarian.

Pembahagian ini diklasifikasikan berdasarkan kepada kaedah dan pembawakan sesuatu gerakan itu. Contohnya, bagi gerakan yang dikategorikan sebagai gerakan fundamentalis skriptural seperti gerakan Ikhwan Muslimin yang berpegang dan berpandukan kepada kitab suci al-Quran yang juga merupakan kitab bagi agama Islam. Pengkategorian ini tidaklah memberikan gambaran atau pemahaman menyeluruh tentang latar belakang gerakan Islam. Oleh yang demikian, penilaian dan tanggapan mengenai status gerakan Islam dari perspektif Islam tidak boleh didasari melalui pengkategorian ini Sahaja. Tetapi perlu difahami bahawa pengkategorian ini bertujuan untuk memudahkan pemahaman tentang pelbagai gerakan Islam mengikut perspektif daripada Barat. Kebimbangan mereka lebih kepada perbezaan antara aliran pemikiran, sejauh mana demokrasi diamalkan, penglibatan keganasan di dunia, dan ideologi sekularisme.

Dari sudut ideologi dan pendekatan, konsep kesederhanaan atau wasatiah, yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah perlu menjadi penanda aras yang paling diutamakan. Firman Allah:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Terjemahan: “Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadiorang yang memberi keterangan

kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.” (Surah al-Baqarah, 143)

Konsep kesederhanaan (*wasatiyyah*) dapat dilihat dalam aspek akidah Islam kerana akidah Islam bersifat wasatiyyah. Iktiqad bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Esa berbanding golongan yang langsung tidak mempercayai Tuhan dan golongan yang mempercayai banyaknya Tuhan. Akidah Islam bersifat sederhana dengan mengiktiraf dalil naqli dan aqli berbanding golongan yang mengimani bahawa hanya akal sahaja sebagai sumber untuk mengetahui hakikat kewujudan dengan golongan yang hanya mengimani wahyu semata-mata sebagai dalil kewujudan. Kesederhanaan dalam Islam bukan hanya tertumpu kepada aspek akidah semata-mata, bahkan dapat disaksikan kepada aspek ibadah, ekonomi, politik dan pemerintahan, perundangan, akhlak, sosial dan sebagainya (Faizuri Abd Latif dan Faisal @ Ahmad Faisal, 2014). Begitu dalam hadith Nabi s.a.w bersabda:


الدِّينُ فِي الْغُلُوِّ قَبْلَكُمْ كَانَ مَنْ هَلَكَ فَأَيْنَمَا الدِّينُ فِي الْغُلُوِّ وَإِيَّاكُمْ

Terjemahan: “Dan awasilah kamu daripada sifat melampau kerana sesungguhnya telah binasa sebelum kamu dengan sifat melampau dalam beragama.” (Hadith riwayat Imam Ahmad -no.1754)

Berdasarkan hadith tersebut, dapat difahami sifat *ghuluw* atau berlebihan dalam beragama disebabkan tidak memahami agama dengan ilmu yang betul. Menurut Imarah (2017), di dalam penulisan dalam buku bertajuk ‘*Manhaj Islah Imam Muhammad Abduh*’ mengenai pemikiran *wasatiyyah* (<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2449-bayan-linnas-siri-mafhum-wasatiyyah-dan-ummatan-wasatan>):

“Pada *wasatiyah* Islam itu terdapat ciri dan bahagian yang dikira sebagai paling khusus dan tersendiri dalam *manhaj* Islam itu sendiri. Hal ini membezakannya dengan semua *manhaj* lain kerana kepelbagaian mazhab, syariat dan falsafahnya. Dengan kepelbagaian tersebut, tamadun Islam terbentuk dengan aneka nilai, ciri, asas dan cabang-cabangnya sehingga kita boleh mengatakan bahawa sesesungguhnya *wasatiyah* jika dilihat dalam kerangka *manhaj* Islami dan tamadunnya, merupakan lensa kameranya yang paling gemerlapan untuk memantulkan cahaya dan menghasilkan konsep idea dan pandangannya yang lengkap sebagai satu *manhaj* paradigma dan perspektif kehidupan.”

Kesederhanaan adalah jalan tengah antara dua ekstrem, yang pertama radikal atau *tasyaddud*, yang kedua liberal atau *tasahul*. Penilaian ini bukan berlandaskan konsep demokrasi atau realiti semasa yang menuntut sesuatu keadaan, sebaliknya ia berdasarkan tahap kesederhanaan yang dituntut oleh Islam. Menurut Muhammad Fathi Yusof (2017), menyatakan bahawa komponen yang dinilai adalah lebih dinamik dan menyeluruh dengan menyiasat semua aspek prinsip Islam. Ia boleh dilihat kepada tiga pendekatan berdasarkan perspektif pemikiran iaitu gerakan pro-radikal (*tasyaddud*), aliran sederhana atau pertengahan (*wasatiyah*), dan aliran pro-liberal (*tasahul*).



Rajah 1: Model Gerakan Islam daripada sudut Aliran Pemikiran (Muhammad Fathi Yusof, 2017)

Berdasarkan Rajah 1, kategori ciri dalam model gerakan Islam berada di dalam lingkungan Islam dan ia menunjukkan bahawa model-model ini tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Namun, mereka berisiko terjerumus ke dalam dua ekstrem yang berbahaya iaitu liberal dan radikal. Gerakan radikal adalah gerakan ekstrem yang menggunakan kekerasan tanpa alasan jelas. Gerakan ini bukan sahaja merosakkan fizikal dan harta benda tetapi juga mencemarkan nama Islam sehingga umat Islam, terutamanya gerakan Islam, menjadi sasaran musuh Islam. Gerakan Islam pro-radikal mendekati ideologi radikal ini, sering kali melalui tafsiran agama yang salah, seperti terlalu mengutamakan makna harfiah nas tanpa mempertimbangkan konteks persekitaran. Faktor lain yang menyumbang adalah tekanan dari kerajaan sekular seperti di Mesir, Iraq, Syria, dan Algeria serta penindasan ke atas minoriti Islam dan konflik di Afghanistan dan Iraq, yang meningkatkan simpati dan sokongan kepada kumpulan ini. Contohnya, kumpulan Hizb Tahrir menggunakan tafsiran dan pendekatan yang sempit untuk mencapai matlamat menegakkan khilafah dan berpandangan bahawa sistem demokrasi yang ada mesti dihapuskan sepenuhnya. Mereka juga menganggap kerjasama antara gerakan Islam dan parti sekular atau bukan Islam adalah haram kerana dianggap sebagai pengiktirafan kekufuran dan sekularisme.

Selain itu, terdapat aliran liberal yang berasaskan sekularisme dan liberalisme, yang bertentangan dengan Islam. Kumpulan ini cenderung membahagikan urusan agama dan pemerintahan dan menolak Islam sebagai penyelesaian masalah manusia. Mereka hanya menerima prinsip agama yang sesuai dengan akal mereka dan mempertikaikan ilmu Islam yang telah lama wujud. Tokoh-tokoh seperti Mohamed Arkoun, Abdullahi Ahmed An-Na'im, dan Amina Wadud-Muhsin adalah antara yang berpengaruh dalam aliran ini. Kumpulan-kumpulan tertentu dalam gerakan Islam (sama ada secara sadar atau tidak), turut terpengaruh dengan pemikiran Islam Liberal, terutama dalam isu seperti pelaksanaan syariah, kedudukan politik Islam, feminisme, hak asasi, dan kebebasan. Mereka sering menggambarkan Islam sebagai menindas wanita, menghalang kebebasan politik, dan memonopoli tafsiran oleh ulama, serta memfitnah gerakan Islam sebagai tegas dan tidak demokratis. Kumpulan pro-liberal menganggap demokrasi, hak asasi, dan kebebasan sebagai hasil dari pengaruh Barat meskipun mereka mengabaikan nilai-nilai dalam tradisi akademik Islam. Namun, prinsip-prinsip universal dalam Islam seperti keadilan, persamaan, rahmat, kebahagiaan dan kehormatan manusia lebih kuat dan tulus dibandingkan prinsip-prinsip Barat.

Perbandingan antara kumpulan pro-radikal, pro-sederhana, dan pro-liberal mempunyai arah perjuangan yang berteraskan Islam, tetapi berbeza dalam pandangan mereka terhadap menafsirkan al-Qur'an dan Sunnah, serta tahap aplikasi nas-nas syarak. Perbezaan ini menyebabkan perspektif yang berbeza terhadap pelbagai isu seperti kerjasama dengan kumpulan bukan Islam, pelaksanaan undang-undang syariah dalam realiti dunia semasa, dan sikap terhadap idea-idea luar. Justeru, gerakan Islam yang beraliran sederhana adalah model terbaik. Kedua-dua kumpulan liberal dan pro-radikal tidak menjadi terlalu ekstrem, mereka masih boleh diterima. Pembahagian ini bukanlah suatu kategori yang ketat, kerana pemikiran kumpulan gerakan Islam yang sederhana boleh berubah menjadi pro-liberal atau pro-radikal, dan sebaliknya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisis dokumen. Data yang dikumpulkan melalui analisis dokumen yang merangkumi pelbagai jenis bahan termasuk buku, kajian ilmiah, jurnal, dan artikel. Bahan rujukan utama adalah buku, tesis, jurnal, kajian ilmiah, dan artikel, serta laman web rasmi Islamic Renaissance Front (IRF) dan kaitannya. Pendekatan kualitatif membolehkan untuk mengeksplorasi kerumitan dan konteks yang meluas berkaitan dengan fenomena yang dikaji. Dalam konteks kajian ini, kaedah kualitatif akan digunakan untuk analisis dokumen seperti kenyataan awam dan artikel yang dikeluarkan oleh IRF serta pengamatan terhadap aktiviti dan perbincangan awam yang dijalankan oleh gerakan ini. Pemilihan sumber data akan dibuat secara teliti untuk memastikan kepelbagaian dan kerelevanan maklumat yang diperolehi. Sumber-sumber data yang dipilih mungkin termasuk dokumen rasmi dan kenyataan awam dan laporan media yang berkaitan dengan IRF. Proses analisis kualitatif melibatkan beberapa langkah, termasuk penelitian dokumen dan mengenal pasti tema dan corak data, menghuraikan maklumat dan menghasilkan dapatan kajian yang bermakna. Ia dapat memberikan pemahaman yang lebih dalam tentang peranan dan kesan IRF dalam gerakan pembaharuan Islam di Malaysia.

Dapatan Kajian

Islamic Renaissance Front (IRF) adalah sebuah gerakan pemikir dan intelektual yang berpusat di Kuala Lumpur dan telah berdaftar secara rasmi. Pada 12 Disember 2009, Prof. Dr. Tariq Ramadan merasmikan pertubuhan ini. IRF bertujuan untuk memulihkan dan memperbaharui pemikiran umat Islam agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan cabaran globalisasi dan menjadi umat yang lebih maju (Anis Sakinah dan Noor Hanisah, 2015). IRF fokus pada pembangunan golongan belia dan sering menganjurkan wacana intelektual serta menerbitkan artikel dan buku mengenai pemikiran Islam dan isu semasa (Farouk Musa, 2012). Hazman Baharom (2017) menyatakan usaha dan perbincangan mereka bersifat global, termasuk melibatkan perbincangan dari dalam dan luar negara. IRF berperanan dalam mempromosikan demokrasi, kebebasan, dan keadilan sosial. Gerakan ini berupaya membebaskan pemikiran umat Islam dari sikap jumud dan konservatif, membuka minda ke arah pemikiran yang lebih terbuka dan progresif (Zarina Zulkepli, 2017).

Selain itu, terdapat beberapa penerbitan artikel, penganjuran forum, wacana, diskusi, dan buku yang dihasilkan berkisar tentang aspirasi untuk mewujudkan Islam progresif yang terinspirasi oleh nilai-nilai moden Barat. Dalam buku yang diterbitkan oleh IRF bertajuk 'Wacana Pemikiran Reformis Jilid I' menyatakan bahawa: "Memandangkan masih ada

dikalangan Islamis yang terperangkap dengan silibus dan pemikiran yang mungkin tidak serasi dengan peredaran zaman yang terlalu pantas, maka membicarakan tentang agenda reformis Islam amatlah penting sekali. Perbincangan ini juga menyediakan landskap yang wajar bagi penerusan agenda Islam Progresif” (Farouk Musa, 2012).

Idea-idea reformasi ini telah dipaparkan di laman web Islamic Renaissance Front dan kebanyakan artikel yang mengandungi agenda reformasi tersebut telah dikumpulkan dalam buku yang diberi judul “Wacana Pemikiran Reformis Jilid II.” Menurut Farouk Musa untuk memastikan bahawa dunia Islam berada di barisan hadapan global, agenda *tajdid* dan *islah* diperlukan. *Tajdid* dan *islah* merujuk kepada usaha untuk mengubah masyarakat Islam hari ini supaya tidak sekadar mengikut teladan umat Islam terdahulu. Malah usaha ini dianggap sebagai langkah utama untuk mencapai matlamat tersebut. Kekecewaan terhadap keadaan semasa umat Islam adalah hasil daripada kebiasaan mengikut dan mengabdikan diri kepada pemikiran tradisional Islam. Berdasarkan pemikiran ini, beberapa tokoh *tajdid* dipilih sebagai asas utama dalam membentuk agenda reformasi ini. Tokoh-tokoh yang dianggap telah membawa umat Islam keluar daripada kemunduran ini seperti Tariq Ramadan dengan usahanya dalam menafsir semula al-Qur'an, Muhammad Iqbal dengan karya bertajuk “*The Reconstruction of Religious Thought in Islam*”, Muhammad Asad dengan penafsiran hermeneutik al-Qur'an dalam buku bertajuk “*The Message of the Quran*”, Malik Bennabi dengan karya bertajuk “*Al Dimuqratiyah al-Islam*” dan Muhammad Abduh dengan usahanya dalam *tajdid* dan *islah*.

Selain itu, ideologi liberalisme yang dikemukakan oleh IRF adalah pemikiran yang menerima nilai-nilai liberal dalam konteks Islam. Liberalisme dari sudut pandang agama merujuk kepada pendekatan yang berusaha untuk melepaskan Islam daripada sekatan-sekatan undang-undang syarak dengan cara menafsir, menginterpretasi, atau menolak sebarang dalil syarak agar sejajar dengan pemikiran yang berasaskan falsafah Barat (Ismail, 2020). Analisis ini mendapati bukti yang menunjukkan kecenderungan IRF dengan ideologi liberalisme dalam beberapa aspek aktiviti dan pendekatan mereka. Contohnya, dalam perbincangan awam dan kenyataan rasmi, IRF sering kali memperjuangkan gagasan-gagasan seperti pluralisme agama, kebebasan berfikir, dan hak asasi manusia, yang sejajar dengan prinsip-prinsip ideologi liberalisme. Mereka mungkin mengutamakan hak asasi manusia, demokrasi, dan pluralisme agama (Ismail, 2006).

Dalam hal pemikiran liberalisme, IRF banyak mengambil kata-kata dan merujuk kepada pendapat daripada Rashid al-Ghannouchi dalam perkara-perkara yang melibatkan kepada demokrasi Islam. Artikel bertajuk ‘*Perumusan Semula Demokrasi Islam oleh Ghannouchi*’ menyatakan mengenai demokrasi yang diperjuangkan oleh Ghannouchi adalah sebuah usaha kebebasan dan membangunkan negara madani yang sepakat dan ijtihad dengan menekankan kepada prinsip-prinsip keadilan, persamaan, perundingan, kebebasan dan memperjuangkan hak dan kuasa rakyat (Farouk Musa, 2011). Asal demokrasi ini boleh disebutkan sebagai syura Islam namun apabila mengalami evolusi yang panjang, negara-negara barat juga telah mengambil sistem ini dan diimplementasikan dengan nilai-nilai barat lalu menamakannya sebagai demokrasi. Maka demokrasi yang telah berevolusi adalah konsep yang ingin diketengahkan oleh IRF dalam pengamalannya di negara Malaysia.

Menurut Farouk Musa (2017), di dalam Islam prinsip yang perlu menjadi keutamaan ialah hak kesamarataan. Namun begitu, IRF melihat bahawa demokrasi yang diguna pakai di Malaysia tidak memberikan hak kesamarataan yang adil kepada rakyatnya (Othman dan Boyman, 2018). Hal ini kerana hak dan keistimewaan orang Islam itu lebih banyak berbanding daripada agama yang lain yang ada di Malaysia. Jadi untuk mencapai sebuah demokrasi yang

baik sekaligus mendapatkan hak kesamarataan bagi semua pihak di Malaysia, hak dan keistimewaan untuk orang Islam perlulah dikurangkan agar ia sama dengan kaum agama yang lain (Ismail, 2020).

Demokrasi yang ingin diterapkan dalam gerakan IRF ini ialah demokrasi liberal dimana ia memisahkan antara agama dan politik yang difahami dengan sekular. Hal ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang ditadbir bukan atas penggunaan nama agama atau lebih terkenal dengan istilah penunggang agama (Farouk Musa, 2012). IRF turut berpendapat bahawa sekular ini bukanlah satu perkara yang akan merosakkan akidah orang yang bergelar Islam, bahkan ia akan datangkan manfaat yang lebih banyak kerana semua rakyat di dalam Malaysia khususnya akan mendapatkan keadilan yang sama rata tidak kira kaum dan agama. Farouk Musa (2012) menyebutkan bahawa sekularisme bukanlah bermaksud akan memisahkan agama daripada kehidupan seharian seseorang kerana konsep sekular yang dituntut adalah untuk diterapkan kepada pentadbiran negara agar ia dapat memberikan kesamarataan kepada rakyat yang berbilang agama dan kaum.

Dalam konteks sekularisme, IRF mengadvokasi pemisahan antara agama dan politik sebagai langkah untuk menciptakan negara yang tidak didasarkan pada dominasi agama tertentu. Mereka menegaskan bahawa sekularisme bukanlah untuk menghilangkan agama dari kehidupan sehari-hari, tetapi untuk memastikan bahwa pentadbiran negara memberikan kesamarataan kepada semua warganya, tanpa memandang agama atau kepercayaan. Farouk Musa (2017) telah mengambil pendapat daripada Immanuel Kant mengenai keperluan kepada pembebasan akal manusia daripada terus diikat dengan tradisi keagamaan sehingga menyebabkan umat Islam mundur sebab bergantung kepada pendapat-pendapat yang telah dikeluarkan oleh golongan ilmuwan yang terdahulu. Maka, IRF berpendapat bahawa sekiranya umat Islam ingin terus melangkah kepada kemajuan, kebebasan menggunakan akal yang rasional ini.

Immanuel Kant membahagikan kebebasan itu kepada kebebasan yang positif dan kebebasan yang negatif. IRF beranggapan bahawa kebebasan tiada ada mana-mana pihak yang boleh menghalang kebebasan seorang dalam membuat keputusan mahupun tindakan. Hal ini kerana segala keputusan atau tindakan individu yang dilakukan adalah tanggungjawab ke atas individu itu tersendiri (Hazman, 2017). Disebabkan itu IRF pernah menyatakan bahawa Jabatan Agama Negeri (JAIN) yang melakukan operasi penyerbuan kepada pasangan yang berzina merupakan satu pelanggaran hak dan kebebasan seseorang lebih-lebih lagi perbuatan zina yang direlakan. Malah mereka menganggap kebebasan dan segala dosa adalah urusan mereka dengan Tuhan.

Islamic Renaissance Front (IRF) telah memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk wacana Islam di Malaysia dan di peringkat global. Mereka telah memperkenalkan idea-idea progresif dan rasional yang telah mengubah cara pemikiran dalam masyarakat Islam di negara ini. Aktiviti-aktiviti seperti penerbitan artikel, buku, dan seminar telah memberikan platform untuk dialog dan pertukaran pemikiran antara tokoh-tokoh intelektual dari dalam dan luar negara, memperluas pengaruh pemikiran progresif yang mereka advokasikan.

Di peringkat antarabangsa, IRF telah mendapat perhatian dan sokongan dari golongan intelektual dan progresif, namun mereka juga menghadapi tentangan dari golongan konservatif. Gagasan-gagasan mereka tentang pembaharuan Islam dan kebebasan berfikir telah menarik minat dari mereka yang menginginkan perubahan positif dalam pemikiran Islam. Sokongan terhadap IRF datang daripada mereka yang menyokong pembaharuan dan kebebasan berfikir

dalam Islam, sementara tentangan datang daripada mereka yang berpegang kepada pemikiran tradisional dan konservatif. IRF menghadapi cabaran utama dalam bentuk penentangan politik dan sosial, serta kontroversi terhadap pendekatan liberal mereka (Ismail, 2020). Isu-isu seperti demokrasi, hak asasi manusia, dan sekularisme sering menimbulkan perdebatan hangat. Tekanan politik dan sosial di Malaysia termasuk undang-undang yang ketat terhadap kebebasan berfikir dan bersuara, juga menjadi halangan besar bagi IRF dalam menyebarkan ideologi mereka (Rabasa et. al., 2004). Golongan konservatif yang berpegang teguh pada pemikiran tradisional dapat menjadi penghalang dalam menyebarkan ideologi mereka.

Namun, IRF berpotensi memberi impak positif dalam membawa pembaharuan Islam dengan mempromosikan pemikiran yang lebih terbuka dan dinamik. Ideologi dan pendekatan progresif mereka boleh merangsang perbincangan dan perubahan positif dalam pemahaman dan amalan agama (Kurzman, 2002). Keberkesanan dan impak jangka panjang IRF bergantung kepada kemampuan mereka mengatasi cabaran dan mendapatkan sokongan yang lebih luas dari masyarakat Islam (Othman dan Boyman, 2018). Pemikiran yang progresif dan inklusif seperti yang diusung oleh IRF boleh menjadi landasan untuk membantu umat Islam beradaptasi dengan perubahan zaman (Nasr, 2006).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa analisis ini memberikan pemahaman yang penting tentang peranan Islamic Renaissance Front (IRF) dalam gerakan pembaharuan Islam di Malaysia. Ia menunjukkan bahawa IRF mempunyai peranan signifikan dalam merangsang pemikiran pembaharuan dalam masyarakat Islam, khususnya di Malaysia. IRF telah berjaya mempengaruhi wacana Islam dengan memperkenalkan idea-idea yang progresif, liberal dan rasional. Bagaimanapun, mereka juga menghadapi cabaran besar, termasuk tentangan politik dan sosial dan kontroversi mengenai pendekatan liberal mereka yang tidak sesuai dengan Islam. Namun begitu, IRF mempunyai potensi untuk memberi impak positif dalam membawa pembaharuan dalam pemikiran Islam dengan mendapat sokongan yang lebih meluas daripada masyarakat Islam. Oleh itu, IRF merupakan subjek yang menarik untuk kajian lanjutan dalam konteks gerakan pembaharuan Islam.

Rujukan

- Ahmad, A. (2015). Renungan Terakhir: Analisis Terhadap Pemikiran Islam Kontemporari. *Jurnal Pemikiran Islam* 20(2), 145-160.
- Anis Sakinah, & Noor Hanisah. (2015). *Pengaruh Liberalisme dalam Pentafsiran ayat Al-Quran oleh IRF*. Retrieved 3 March 2024, from academia.edu: https://www.academia.edu/12975123/Pengaruh_Liberalisme_Dalam_Pentafsiran_Ayat_Al_Quran_Oleh_Irf_Islamic_Renaissance_Front?Uc-G-Sw=31386266
- Cofman Wittes, T., Haqqani, H., Fradkin, T., Masoud, T., Dagi, I., Zeghal, M., Kubba, L., Tibi, B., Hamzawy, A., Brown, H., Beissinger, N. J., King, D., & Way, M. R. (2008). *Islamist Parties and Democracy: A New Look at Ethnicity and Democratization*. New York: Oxford University Press.
- Faizuri Abd Latif & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2014). Pemikiran Kesederhanaan dalam Isu-Isu Akidah Menurut Sheikh Zainal Abidin Al-Fatani. *Afkar, Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 15(1), 45-68.

- Farouk Musa, A., Ahmad Nabil, A. A., Hazman Baharom & M. Z., Mas'ud. (2012). *Wacana Pemikiran Reformis Jilid 1*. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.
- Farouk Musa, A., Ahmad Nabil, A. A., Hazman Baharom & M. Z., Mas'ud. (2014). *Wacana Pemikiran Reformis Jilid 2*. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.
- Farouk Musa, A., Ahmad Nabil, A. A., Hazman Baharom & M. Z., Mas'ud. (2017). *Memugar Pemikiran Eeformis*. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.
- Farouk Musa, A. & Ahmad Nabil, A. N. (2011). *Perumusan semula demokrasi Islam oleh Ghannouchi*. Retrieved 1 January 2024, from https://irfront.net/print_version/45.html.
- Hazman Baharom. (2017). *Meninjau Semula Hubungan Kuasa dan Institusi Agama*. Retrieved 11 February 2024, from <https://www.islamicrenaissancefront.org>.
- Imarah, M. (2017). *Manhaj Islah Imam Muhammad Abduh*. Ed. Ahmad Nabil Amir. Edisi ke-1. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.
- Ismail, A. E. (2020). Liberalisme dan Pemikiran Pemimpin Muslim di Malaysia. *Islamiyyat*, 41(2), 39–49.
- Ismail, M. A. (2006). *Cabaran Akidah: Pemikiran Islam Liberal*. Retrieved from: <https://melayu.library.uitm.edu.my/2811/>.
- Kurzman, C. (2002). *Liberal Islam: A Sourcebook*. New York: Oxford University Press.
- Mohamad Razif. (2018). *Bayan Linnas siri ke-136: Mafhum Wasatiyyah dan Ummatan Wasatan*. Retrieved June 30, 2024, from <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2449-bayan-linnas-siri-mafhum-wasatiyyah-dan-ummatan-wasatan>
- Muhammad Fathi Yusof (2017). *Model Gerakan Islam Dari Sudut Penglibatan Dalam Politik*. Retrieved 25 May 2024, from <http://strategimalaysia.wordpress.com/e-book/>
- Nasr, S. H. (2006). *Islamic Modernism, Nationalism, and Fundamentalism: Episode and Discourse*. Chicago: University of Chicago Press.
- Othman, M. A., & Boyman, S. N. (2018). Political Islam in Islamism and Post-Islamism: A Study on Islamic Renaissance Front (IRF). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(1), 676–702.
- Rabasa, A. M., Benard, C., Chalk, P., Christine Fair, C., Karasik, T., Lal, R., Lesser, I., & Thaler, D. (2004). *The Muslim World After 9/11*. Santa Monica: Rand Corporation. Retrieved 3 March 2024, from www.rand.org
- Rubin, B. (1998). Islamic Radicalism in the Middle East: A Survey & Balance Sheet Defining Radical Fundamentalism. *Middle East Review of International Affairs*, 2 (2). Retrieved 3 March 2024, from https://ciaotest.cc.columbia.edu/olj/meria/meria_598_rubin.html
- Zarina Zulkepli. 2017. *Pemikiran Liberal di Malaysia: Kajian Terhadap Islamic Renaissance Front*. Retrieved 3 March 2024, from https://www.researchgate.net/publication/318838358_Pemikiran_Liberal_di_Malaysia_Kajian_Terhadap_Islamic_Renaissance_Front